

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 17 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	1GC sedia aplikasi inovatif perniagaan di media sosial	Berita Harian
2.	GlobalClub Empire lancar platform media sosial 1GC	BERNAMA
3.	Penghargaan	Berita Harian
4.	USTART 2016, platform untuk kembangkan rangkaian perniagaan	BERNAMA
5.	Sekat jualan barang substandard – CAP	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (KEUSAHAWANAN) : MUKA SURAT 21**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**



Madius Tangau (tiga dari kanan) ketika melancarkan 1GlobalClub di Putrajaya, malam tadi.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

## 1GC sedia aplikasi inovatif perniagaan di media sosial

• Kerajaan mencartakan 2017 sebagai Tahun Ekonomi Internet Untuk Malaysia

Oleh Magendran Rajagopal  
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Ramai usahawan tempatan masih teragak-agak menyesuaikan perniagaan dengan media sosial segera lebih serius sehingga mereka terlepas peluang merebut pasaran antarabangsa yang lebih menguntungkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, berkata rakyat Malaysia bijak menggunakan platform media sosial seperti Facebook, Instagram maupun Twitter tetapi ramai belum berupaya atau tidak memanfaatkannya untuk memasarkan perkhidmatan

dan barang secara global.

"Perkembangan ini adalah sesuatu yang kita tidak boleh elak atau ketepikan, melainkan turut mengikut dan memperluaskan platform gaya hidup siber ini. Perniagaan seperti Uber, Skype dan Alibaba adalah contoh terbaik dalam mengaplikasikan teknologi ini."

"Sehubungan itu, kerajaan mengambil langkah positif dengan mencartakan 2017 sebagai Tahun Ekonomi Internet Untuk Malaysia," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran rasmi 1GlobalClub (1GC) di sini, malam tadi.

Yang hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Datuk Yasmin Mahmood; Ketua Pegawai Eksekutif 1GC, Datuk Verdon Bahanda, serta Wakil Khan, Presiden Seychelles untuk ASEAN merangkap Setiausaha Agung Forum Ekonomi Kecil dan Sederhana Afrika, Nico Barito.

### Dua MoU dimeterai

Madius juga menyaksikan upacara menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) iaitu antara Verdon mewakili 1GC dengan GOMAX, di-

### Fakta nombor

3.4 BILION

pengguna internet global

9 BILION

unjuran pengguna internet global pada 2026

18 JUTA

pengguna internet aktif di Malaysia

wakili Pengarah Jualan dan Pemasarannya, Gary Goh Sau Loong dan antara Verdon dengan MyTRADEzone, diwakili Ketua Pegawai Operasinya, Lay Yoke Heng.

Beliau yang turut menyampaikan sijil pengiktirafan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kepada 1GC, mengalaukan usaha 1GC dalam menggalakkan usahawan tempatan mengembangkan kejayaan dan peluang perniagaan mereka ke tahap antarabangsa.

**Laksana strategi**  
Beliau yakin 1GC ada beberapa strategi dan perancangan lain untuk dilaksanakan dalam masa terdekat yang mampu membawa 1GC ke persada internet global, setanding platform internet global sedia ada.

"Kementerian mengalaukan usaha 1GC dalam menghasilkan pendekatan yang menggalakkan usahawan tempatan mengembangkan kejayaan dan peluang perniagaan mereka ke tahap antarabangsa."

"Idea 1GC ini sesuatu yang inovatif dalam menyediakan platform perniagaan yang unik," katanya.

## Sasar 2 juta pengguna setahun

**Putrajaya:** 1GlobalClub (1GC) menyasarkan kira-kira dua juta pengguna setahun dan akan terus meningkatkan keupayaan untuk menampung lebih ramai pengguna pada masa akan datang sebagai perseiduan untuk perkembangan peringkat setarantau dan global.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Verdon Bahanda, berkata 1GC adalah satu-satunya platform media sosial pertama pada peringkat antarabangsa yang mewaralkan beberapa garjian termasuk wang tunai.

"Buat masa sekarang, 1GC mampuenerima sekurang-kurangnya 500,000 pengguna tetapi mampu menyasarkan dua juta ahli dalam tempoh setahun."

"Kita harus berubah cara menguruskan perniagaan dengan mengambil kira kemajuan digital dan internet terkini. Semua perlu terima pakai perniagaan atas talian jika tidak mahu ketinggalan zaman."

"Malah, penembusan jalur lebar isi rumah Malaysia kini mencecah 77.3 peratus dan amat merugikan jika perniagaan dalam talian ini tidak dimanfaatkan usahawan tempatan," katanya.



Kita harus berubah cara menguruskan perniagaan dengan mengambil kira kemajuan digital dan internet terkini"

**Verdon Bahanda,**  
Ketua Pegawai Eksekutif 1GlobalClub

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**



## **GlobalClub Empire Lancar Platform Media Sosial IGC**

PUTRAJAYA, 23 Nov (Bernama)-- Syarikat tempatan, GlobalClub Empire Sdn Bhd hari ini melancarkan 1GlobalClub (1GC) iaitu platform media sosial pertama dunia yang memberi ganjaran kepada pengguna aktif dalam talian.

Ketua Pegawai Eksekutif 1GC, Datuk Verdon Bahanda berkata pembangunan aplikasi membabitkan pelaburan sebanyak RM3 juta itu bertujuan membantu para usahawan serta masyarakat dalam penggunaan teknologi dan seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara.

"Statistik menunjukkan lebih 18 juta pengguna media sosial aktif di Malaysia. Setakat 2015, sebanyak 77.3 peratus daripada isi rumah di Malaysia memiliki akses kepada perkhidmatan jalur lebar.

"Kami melihatnya sebagai peluang baik dalam memanfaatkan platform media sosial bagi membangunkan penyelesaian inovatif untuk perniagaan serta komuniti atas talian terutamanya untuk para usahawan," katanya.

Beliau berucap pada majlis pelancaran 1GC oleh **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau** di sini, malam ini.

Pada majlis sama, 1GC turut menandatangani kolaborasi bersama GOMAX dan myTRADEzons bagi memberikan ahli-ahlinya pengalaman terbaik dengan 1GC.

Mengulas lanjut, Verdon berkata keahlian 1GC membabitkan dua kategori iaitu ahli sosial yang ditawarkan secara percuma kepada mereka berumur 13 tahun ke atas manakala ahli kelab pula bagi mereka berumur lebih 18 tahun membabitkan pembayaran RM100 sebagai ahli seumur hidup.

"Ahli kelab akan diberi ganjaran dalam bentuk wang tunai berdasarkan sejauh mana mereka aktif melakukan aktiviti di media sosial 1GC seperti memuat naik status dan video, menyertai forum, blog, permainan atas talian yang akan ditentukan oleh meter perkembangan berkaitan," katanya.

Jelasnya, 1GC disasar dapat menarik dua juta pengguna setahun dan dijangka meningkatkan keupayaan untuk menampung lebih ramai pengguna pada masa depan bagi memperluas aplikasi di peringkat serantau dan global.

Sementara itu, Madius pula dalam ucapannya berkata kerajaan mengiktiraf kepentingan teknologi digital bagi memacu pertumbuhan ekonomi.

Sehubungan itu, ia melihat 1GC sebagai sebuah lagi syarikat Malaysia yang telah menyahut cabaran teknologi dengan mengambil inisiatif inovatif sejajar hasrat kerajaan.

"Perintis sistem media sosial dalam talian yang melakar platform internet global ini jelas menjurus kepada satu idea yang baru dan unik," katanya.

Menurutnya, 1GC dijangka akan menarik minat serta menggalakkan satu lagi komuniti usahawan dalam talian membabitkan kalangan rakyat Malaysia, terutamanya mereka yang berminat dengan bidang perniagaan di peringkat global.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (KEUSAHAWANAN) : MUKA SURAT 20  
TARIKH: 24 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

# Setinggi-Tinggi Penghargaan

Kepada



YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
*Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi Malaysia*

## DI ATAS KESUDIAN

Merasmikan 1GlobalClub dengan jayanya serta sokongan pengiktirafan yang diberikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) kepada 1GlobalClub sebagai “**THE WORLD’S 1ST VIRTUAL CLUB SHARED-BASED PROFIT SOCIAL MEDIA AND ONLINE BUSINESS PLATFORM**” Sebagai Produk Inovasi Media Sosial Pertama Dunia Yang Memberikan Ganjaran kepada Ahli.

Daripada:



YBhg. DATO'  
VERDON BAHANDA  
*CEO 1GlobalClub*

### Beserta Barisan Lembaga Pengarah:



IR. HJ. MUHAMMAD  
FARID BIN ZULKIPLI  
*Ahli Lembaga Pengarah*



DATIN CYNTHIA @  
ZAHRAH GEORGE  
*Ahli Lembaga Pengarah*



HJ. AZLAN BIN  
ARIS FADILAH  
*Ahli Lembaga Pengarah*



ZAINI BIN  
SALEHAN  
*Ahli Lembaga Pengarah*



**1GC**

Share, Socialize, Rewards

**BESERTA BARISAN  
WARGA KERJA 1GLOBALCLUB**



[www.1globalclub.com](http://www.1globalclub.com) | [www.lgc.club](http://www.lgc.club)

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**



## **USTART 2016, Platform Untuk Kembangkan Rangkaian Perniagaan - Peserta**

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) - Persidangan University Start-Up Malaysia 2016 (USTART 2016) membantu orang ramai membina rangkaian dengan menyambungkan dengan pihak lain yang mempunyai pengalaman lebih baik dalam perniagaan, kata seorang pelajar universiti.

Fathiyah Zahra, 23, pelajar tahun akhir dari Universitas Indonesia berkata Ustart membolehkannya bertemu individu penting dari pelbagai organisasi dan entiti, penaja, saintis dan wakil industri.

"Dalam pada itu, saya berpeluang mempelajari mengenai pelbagai teknologi yang ditawarkan oleh universiti yang berbeza.

"Ia adalah satu-satunya platform yang menyediakan semua manfaat yang amat diperlukan dan semakin bertambah baik setiap tahun," katanya kepada Bernama dalam satu temu bual di sini hari ini.

Persidangan dua hari itu yang bermula semalam dianjurkan oleh Universiti Malaya.

Beliau berkata, survival dan kejayaan perniagaan pada masa ini bergantung kepada "compatibility".

"Yang lebih penting, ia sentiasa mengambil masa untuk belajar semua yang kita perlu tahu dalam masa yang singkat dan program seperti USTART benar-benar membantu untuk berhubung dengan pihak lain yang mempunyai pengalaman lebih baik dalam perniagaan," katanya.

Pengurus Eksekutif Nexus Wise and Nexus Tac Sdn Bhd, Tiong Cher Linn, berkata kandungan dan semangat bertenaga USTART memberi tumpuan besar kepada tajuk-tajuk penting dan menyediakan peluang rangkaian yang sangat baik.

Bertemakan "Mewujudkan Kesan Ekonomi dan Sosial melalui University Startups' USTART 2016 bertujuan melahirkan pemain industri yang pro aktif.

Ia disokong oleh pihak-pihak berkepentingan utama seperti **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)**, Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), SME Bank dan rakan kongsi strategik yang lain.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**



## **Sekat Penjualan Barang Substandard - CAP**

GEORGE TOWN, 23 Nov (Bernama) -- Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) menyekat penjualan barang bertaraf substandard di pasaran.

Presidennya, S.M. Mohamed Idris berkata barang seperti itu, terutama peralatan elektrik, kunci dan peralatan yang mudah rosak, dijual pada harga murah, dengan tahap kualiti yang tidak dapat dipastikan.

"Barangan elektrik berkualiti rendah boleh menyebabkan berlaku renjatan elektrik dan kebakaran, yang membahayakan pengguna," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Berdasarkan pemerhatian CAP, kebanyakan barang substandard berasal dari China dan Thailand serta dijual di pasar raya, pasar mini serta pasar karat yang menjadi tumpuan pengguna untuk mencari pelbagai barang yang mereka hajati.

Mohamed Idris menggesa orang ramai supaya berwaspada mengenai bahaya berpunca daripada barang substandard, terutama peralatan elektrik kerana ia boleh mengancam keselamatan mereka.

"Pengguna perlu memastikan mereka membeli barang berkualiti yang mendapat pengesahan SIRIM. Bersikaplah lebih berhati-hati apabila membeli sesuatu barang," katanya.

Mohamed Idris juga menyeru Jabatan Kastam Diraja Malaysia supaya tidak membenarkan barang substandard, yang tidak mendapat kelulusan Suruhanjaya Tenaga dan Saintifik serta SIRIM, diimport ke negara ini.

"Oleh kerana kualiti barang seperti itu tidak mempunyai persijilan daripada pihak berkuasa, maka pembekal tidak akan bertanggungjawab sekiranya sesuatu berlaku pada produk mereka dan kami harap KPDKKK akan campur tangan untuk memastikan hak pengguna sentiasa dilindungi," katanya.

-- BERNAMA